

# SM Nasarudin pengerusi baru MFCCI

Perkukuhkan hubungan  
dagang Malaysia, Perancis

B-H 05/06/09 m/s 31

Oleh Shahrizan Salian  
[shahrizan@bharian.com.my](mailto:shahrizan@bharian.com.my)

**P**ENGERUSI dan Ketua Eksekutif Kumpulan Naza, SM Nasarudin SM Nasimuddin dilantik sebagai Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri Perancis-Malaysia (MFCCI).

MFCCI yang ditubuhkan pada 1991 berfungsi untuk mengukuhkan hubungan perdagangan antara Perancis dan Malaysia serta menyokong pembangunan syarikat dari negara Eropah berkenaan di negara ini.

SM Nasarudin dipilih atas kapasiti syarikatnya yang menjalinkan kerjasama dengan gerga-



ff

Saya yakin untuk

... dan kerjasama dengan gerbang si permotoran Perancis, Peugeot sejak 2006 dan kini mempunyai empat model dikeluarkan dalam negara iaitu 206, 407, 308 Turbo dan 308 VTI.

Mengulas pelantikannya, SM Nasarudin berkata, melihat kepada perkembangan pesat kerjasama yang dijalinan antara Kumpulan Naza dan Peugeot sejak tiga tahun lalu, beliau percaya wujud potensi besar kerjasama perniagaan antara kedua-dua negara.

“Saya yakin untuk melaksanakan yang terbaik sepanjang tempoh perkhidmatan untuk membantu syarikat Malaysia dan Perancis mengambil sebarang peluang perniagaan sedia ada,” katanya pada majlis pelantikan itu di Kuala Lumpur, semalam.

SM Nasarudin menggantikan Pengerusi Eksekutif MyEG Services Bhd, Datuk Dr Norraesah Mohamad yang tamat tempoh perkhidmatannya.

Majlis itu dihadiri Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Turut hadir ialah Canselor Pertama Kedutaan Perancis di Malaysia, Charles Henri Brosseau; Presiden MFCCI, Peer De Jong; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Paris, Pierre Simon dan Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Meurthe-et-Moselle, Jean Pierre Carolus.

SM Nasarudin berkata, MFCCI melihat sektor perkhidmatan sebagai bidang utama yang boleh diteroka syarikat Perancis di negara ini susulan keputusan kerajaan untuk membuka pasaran 27 sektor kecil

*Saya yakin untuk melaksanakan yang terbaik sepanjang tempoh perkhidmatan untuk membantu syarikat Malaysia dan Perancis mengambil sebarang peluang perniagaan sedia ada”*

**SM Nasarudin**  
**SM Nasimuddin**  
Pengerusi MFCCI

perkhidmatan baru-baru ini.

“Sektor ini adalah sumber pertumbuhan utama kerjasama antara kedua-dua negara kerana syarikat Perancis terkenal dengan kemajuannya dalam bidang perkhidmatan seperti perhotelan, penjagaan kesihatan, pusat konvensyen dan teknologi maklumat,” katanya.

Sementara itu, Mukhriz berkata, walaupun usaha terbaik dilakukan kerajaan menerusi agensinya, Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (Mida) untuk mengekalkan pejabat perwakilannya di Perancis, jumlah pelaburan dan dagangan kedua-dua negara menunjukkan arah aliran menurun.

“Perancis adalah rakan perdagangan ketiga terbesar Malaysia dari rantau EU manakala negara kita adalah rakan perdagangan kedua terbesar mereka untuk rantau Asia Tenggara,” katanya.

Ketika ini, nilai perdagangan dua hala antara kedua-dua negara adalah kira-kira 4 bilion euro setahun.